

Pembelajaran Transformatif dalam Latihan Kemahiran Program Pembangunan Usahawan Asnaf

A Transformative Learning in Skills Training for Asnaf Entrepreneur Development Program

Fatimah Abdul Salam¹, Mimi Mohaffyza Mohamad^{1*}

¹ *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV),
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400 MALAYSIA*

*Corresponding Author: mimi@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2024.09.02.015>

Maklumat Artikel

Diserah: 17 Ogos 2024

Diterima: 28 September 2024

Diterbitkan: 30 September 2024

Kata Kunci

Latihan kemahiran, program pembangunan asnaf, pembelajaran transformatif

Abstrak

Kertas kerja ini akan membincangkan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam kursus latihan kemahiran yang dijalankan dalam Program Pembangunan Asnaf (PPA) di negeri Johor. PPA merupakan salah satu inisiatif institusi zakat di Malaysia dalam usaha membasmi kemiskinan negara melalui pengagihan zakat secara produktif yang akan membawa golongan asnaf yang berpotensi ke arah peningkatan taraf sosio ekonomi mereka. Salah satu aktiviti yang dianjurkan dalam PPA termasuklah perlaksanaan kursus latihan kemahiran yang bertujuan melatih golongan asnaf bukan sahaja dari segi kemahiran vokasional, malah kemahiran insaniah khususnya pengurusan perniagaan. Usaha untuk mentransformasi golongan asnaf tidak mudah kerana stigma sikap kebergantungan yang tinggi yang menyebabkan jati diri yang lemah untuk menceburi aktiviti perniagaan yang sudah tentu penuh dengan cabaran. Pembelajaran transformatif melalui pendekatan humanistik dilihat sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai oleh kerana ia sinonim dengan konsep pembelajaran dewasa. Oleh itu, kajian berbentuk kualitatif dengan pendekatan kaedah temubual dijalankan bagi meneroka secara terperinci aplikasi pembelajaran transformatif serta strategi penyampaian fasilitator pengajar dalam latihan kemahiran yang dijalankan dalam PPA. Seramai empat (4) orang peserta kajian dipilih dari kalangan fasilitator dan pelatih asnaf yang sedang menjalani latihan di Pusat Latihan Asnaf Johor Bahru. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa, strategi pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan oleh fasilitator pengajar selari dengan konsep pembelajaran transformatif. Kajian ini memberi implikasi kepada pihak institusi zakat negeri dan organisasi perunding latihan dalam membuat perbandingan keberkesanan strategi yang digunakan seterusnya merencana gerak kerja PPA pada masa akan datang.

Keywords

Skills training, asnaf economic program, transformative learning

Abstract

This paper will discuss teaching and learning strategies in skill training course by Asnaf Entrepreneur Program (AEP) in Johor. AEP is one of zakat institution initiatives to eradicate poverty through the distribution

of zakat productively, in which will give chances for the potential asnaf towards socioeconomic improvement. One of the activities provided in AEP is the implementation of skill training course in vocational skills as well as non-technical skills including business management and soft skills to train the asnaf community. The initiatives to transform asnaf is a challenging task due to high dependency on zakat assistance has caused some of the asnaf reluctant to involve in business activities that is uncertain and full of challenges. Transformative learning through humanistic approach is in accordance with the teachings and learning strategies synonym to adult learning process. Therefore, qualitative research using interview method was conducted in this study to explore the application of transformative learning as well as facilitator's teaching strategies in implementing skills training course. A total of four (4) participants among facilitator trainer and asnaf trainee in Asnaf Training Centre, Johor Bahru were selected in this study. The results indicate that teaching and learning strategies used are consistent with the concept of transformative learning. The implication of this study will give impact to zakat institution and training consultant organization to compare the effectiveness of applying this strategy before planning AEP in the future.

1. Pengenalan

Dalam Agenda Pembangunan Mampan 2030 (The 2030 Agenda for Sustainable Development), pembangunan sosio-ekonomi merupakan teras dalam perancangan Pertubuhan Bangsa Bersatu dalam menangani isu kemiskinan dunia (PBB, 2019). Kemiskinan dapat dilihat sebagai ketidaksejahteraan dan kemunduran sesebuah masyarakat yang diukur melalui komponen ekonomi sebagai indikator untuk menentukan tahap kemiskinan (Syukri, Farahein & Samat, 2019). Malaysia juga tidak ketinggalan dalam isu kemiskinan yang tiada kesudahan sehingga ia menjadi matlamat utama dalam kerangka dasar ekonomi madani yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Hasrat untuk menoktahkan kemiskinan tegar di Malaysia direncanakan melalui program- program tumpuan jangka pendek dan jangka sederhana yang memfokuskan pembangunan ekonomi dan pembangunan manusia sebagai agenda utama kerangka Malaysia Madani (Teks ucapan Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat, 2023).

Islam memberi solusi terhadap isu kemiskinan melalui sistem zakat. Zakat ialah sumbangan sebahagian harta dari sumber yang baik seseorang muslim kepada golongan yang kurang bernasib baik iaitu golongan asnaf (Ibrahim, D., & RuziahGhazali, 2014). Sistem zakat merupakan instrumen yang penting yang juga berfungsi membangunkan sistem sosial ekonomi sesebuah negara dan masyarakat khususnya. (Patmawati, 2008; Al-Arif, 2010; Wahid et al., 2017). Ia merupakan antara sistem muamalat islam yang bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan harta dan kekayaan yang dimiliki oleh individu supaya setiap golongan masyarakat boleh menjalani kehidupan yang seimbang (Bahri et al., 2022).

Amalan pengagihan zakat secara lazimnya adalah berbentuk konservatif iaitu bantuan yang hanya memenuhi keperluan asnaf dalam jangka masa yang pendek sahaja, sebagai contoh bantuan secara one- off ataupun bantuan sara diri bulanan. Pengagihan zakat secara tidak produktif ini tidak dapat menyelesaikan masalah kemiskinan negara secara menyeluruh, malah tidak dapat mengurangkan jumlah bilangan asnaf di Malaysia. Bermula pada tahun 2000 selaras dengan perkembangan institusi zakat, sistem zakat telah dinaik taraf dengan pengagihan secara produktif, iaitu pengagihan yang boleh mengeluarkan asnaf daripada status mustahiq (penerima) kepada muzakki (pemberi). Zakat produktif merupakan agihan dana zakat yang boleh memberdaya asnaf fakir dan miskin mengeluarkan hasil yang mampu menjana sumber pendapatan yang berterusan kepada mereka (Bahri et al., 2022). Pelaksanaan zakat produktif ini hanya untuk golongan asnaf yang tertentu, iaitu mereka yang mampu melakukan usaha kearah membina sumber pendapatan sendiri.

Bagi merealisasikan pengagihan zakat secara produktif ini, Program Pembangunan Asnaf (PPA) telah diwujudkan oleh kebanyakan institusi zakat negeri dengan tujuan untuk mengatasi lambakan jumlah asnaf fakir dan miskin seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan negara. PPA telah mensasarkan asnaf fakir dan miskin yang berkebolehan untuk menjalankan aktiviti perniagaan atau apa- apa aktiviti yang boleh menjana pendapatan bagi membangun sosio-ekonomi mereka. Program ini menawarkan bantuan modal perniagaan, kursus- kursus latihan kemahiran, bengkel dan bimbingan motivasi bagi membantu asnaf fakir dan miskin yang berpotensi untuk memulakan aktiviti perniagaan (Meerangani et al., 2019; Hashim et al., 2021). Walaupun PPA telah dilaksanakan dengan pelbagai strategi untuk mencapai keberkesanan yang tinggi, namun bilangan asnaf yang berjaya keluar dari status asnaf masih rendah (Marzuki et al., 2019; Mat Rani et al., 2020). Penyelidik terdahulu telah menyenaraikan faktor dalaman dan luaran yang memungkinkan keberkesanan PPA tidak mencapai sasaran

seperti yang dihasratkan. Antara faktor kegagalan usahawan asnaf dalam perniagaan adalah berpunca daripada kurang menguasai ilmu keusahawanan, kurang pengalaman dan kurang kemahiran dan tiada kreativiti dalam mengembangkan potensi produk perniagaan (Marzuki et al., 2019). Kesannya, ia akan merencatkan kejayaan usahawan asnaf dalam aktiviti perniagaan yang dijalankan. Selain itu, antara faktor yang mendorong kegagalan usahawan asnaf termasuklah kurang sokongan keluarga, komitmen terhadap anak, pendapatan rendah, kurang bimbingan dan motivasi serta lokasi dan jenis perniagaan yang kurang strategik (Khairul Azhar & Ummi Khasidah, 2019). Tambahan pula, kurang berkemahiran dalam menguruskan perniagaan menyebabkan pelbagai masalah perniagaan yang timbul seperti kehilangan modal pusingan, tidak mempunyai ruang niaga, tidak menjaga kualiti produk dan tiada strategi promosi (Talib & Ahmad, 2019). Program pembangunan ekonomi asnaf juga menemui kegagalan disebabkan oleh kekurangan latihan, bimbingan, pengurusan dan pemantauan dari institusi yang menyalurkan pembiayaan dana kepada golongan asnaf (Zainal et al., 2016). Jadual 1 dibawah merupakan senarai faktor kegagalan PPA:

Jadual 1 *Faktor kegagalan PPA*

Faktor Luaran	Faktor Dalam
• Kurang bimbingan dan pemantauan • Kurang sokongan keluarga • Jenis latihan yang terhad dan tidak memenuhi keperluan asnaf	• Kurang ilmu dan pengalaman • Sukar memberikan komitmen • Sikap kebergantungan yang tinggi

Bagi tujuan kertas kerja ini, penekanan diberikan kepada faktor dalaman asnaf kerana penyelidik mempercayai bahawa keperibadian individu usahawan asnaf itu sendiri yang akan mendorong kejayaan mereka dalam kehidupan. Berdasarkan tinjauan awal penyelidik terhadap corak pelaksanaan PPA di negeri Johor, Pahang, dan Selangor, sikap kebergantungan yang sukar diubah menjadikan golongan asnaf terlalu selesa dengan bantuan- bantuan yang disediakan oleh institusi zakat mahupun badan kerajaan. Golongan ini tidak mahu keluar daripada status asnaf oleh kerana bimbang bantuan kepada mereka akan dihentikan. Sikap ini merupakan antara faktor dalaman yang akan merencatkan kemajuan golongan asnaf.

Proses untuk membina jati diri asnaf amat mustahil untuk dibentuk dalam jangka masa yang pendek, malah ia memerlukan proses yang panjang dan berterusan. Pembelajaran yang berterusan dapat membantu meningkatkan keyakinan dan jati diri individu melalui pertambahan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan perubahan sikap (Baumgartner, 2007; Dessler, 2014). Kursus latihan merupakan salah satu mekanisme dalam proses pembelajaran. Menurut Knowles 1970, pembelajaran melalui latihan merupakan satu proses yang akan menyebabkan perubahan tingkah laku pada manusia melalui pengalaman yang telah mereka terokai. Dalam konteks usahawan asnaf, pembelajaran adalah dari kalangan orang dewasa, dimana ia melibatkan orang yang sudah matang daripada segi pemikiran dan tidak lagi bergantung harap kepada orang lain dan mereka bertindak ke arah sendiri (Mohd Azhar et al., 2004). Konsep transformatif dalam pembelajaran dewasa akan menjelaskan pengalaman asnaf dalam proses membina jati diri yang teguh ke arah transformasi perspektif terhadap kebebasan kehidupan yang miskin dan melarat. Proses transformatif yang melibatkan ubahsuai pengalaman hidup, kepercayaan, sistem nilai dan sistem sosial akan memberi penghasilan makna yang baharu yang boleh mengubah kehidupan asnaf menjadi seorang individu yang mandiri ekonomi (Mohd Azhar, 2012).

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneroka dengan lebih terperinci pelaksanaan PPA yang dijalankan di lokasi kajian terpilih untuk memenuhi persoalan kajian berikut:

- Sejauhmanakah elemen transformasi yang diaplikasi dalam latihan kemahiran?
- Bagaimanakah strategi penyampaian fasilitator latihan kemahiran dalam melatih usahawan asnaf sehingga berjaya?

2. Tinjauan Literatur

2.1 Program Latihan Pembangunan Asnaf

Setiap institusi zakat negeri mempunyai strategi yang berbeza dalam melaksanakan program pembangunan asnaf yang bertujuan untuk memberdaya asnaf dari aspek kerohanian, pendidikan, sosial, dan ekonomi. PPA mensasarkan program keusahawanan menjadi antara aktiviti utama bagi kebanyakan institusi zakat negeri oleh kerana aktiviti ini dapat memberikan punca pendapatan secara langsung bagi mereka yang mengusahakannya. Menurut Ismail et al., (2021), aktiviti keusahawanan merupakan antara aktiviti yang relevan dalam membangun sosio- ekonomi individu. Shariff & Hussin (2021) pula menyatakan aktiviti keusahawanan merupakan satu bentuk transformasi bukan sahaja dari sudut penjaan ekonomi, malah membangun nilai- nilai sosial lain. Namun begitu, menjalankan aktiviti keusahawanan ini memerlukan daya usaha serta komitmen yang tinggi daripada individu yang mengusahakannya. Sanep Ahmad (2009) menyenaraikan ciri- ciri seorang usahawan mestilah

bersifat kreatif dan inovatif, bijak mencari peluang, berani menanggung risiko, dan mempunyai keinginan yang tinggi untuk maju dalam perniagaan. Menurut Ibrahim & Ghazali (2014) pula, ciri-ciri asnaf produktif yang boleh diberi peluang untuk menyertai program ini mestilah seorang yang sihat tubuh badan, waras, mempunyai keinginan yang tinggi untuk keluar daripada status asnaf, dan berpotensi untuk dilatih bagi membangun diri menjadi individu yang berjaya. Dalam erti kata lain, seorang usahawan perlu mempunyai jati diri yang teguh untuk berjaya dalam perniagaan yang diceburi.

Latihan merupakan sebuah aktiviti terancang yang dijalankan untuk seseorang memperoleh pengetahuan dan kemahiran tertentu. Konsep latihan dalam islam pula secara asasnya adalah untuk mendidik dan memandu individu supaya dapat membangun nilai diri dengan menjadi lebih baik. Keperluan latihan ini mestilah berorientasikan kepentingan yang diperlukan bagi sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat. Dalam pelaksanaan PPA, penganjuran latihan ini sebagai satu usaha strategik institusi zakat untuk memberdaya asnaf secara holistik terutamanya untuk membentuk asnaf yang mempunyai ciri usahawan. Bidang keusahawanan merupakan aktiviti yang melampaui teori dalam bilik darjah. Menurut Cammarota & Fine (2007), kemahiran keusahawanan adalah lebih relevan diajar dan dilatih berdasarkan aktiviti latihan kerja melalui pendekatan bimbingan. Walaubagaimanapun, Cubico et al. (2010) berpendapat aktiviti bilik darjah masih berfungsi sebagai medium pembelajaran kerana tidak semua maklumat dan pengetahuan berkesan untuk disampaikan semasa latihan kerja. Perkara yang lebih penting adalah mewujudkan suasana persekitaran keusahawanan dalam bilik darjah yang boleh memberi manfaat kepada pelatih.

Kursus latihan untuk membangun usahawan bukan sekadar ilmu perakaunan, pemasaran, dan kewangan sahaja, malah mestilah disertakan dengan motivasi untuk mengukuhkan kompetensi usahawan. Oleh itu, perbincangan yang dijalankan dalam bilik darjah amat penting dalam membina penetapan minda (*mind set*) pelatih. Perkara ini turut dipersetujui oleh Nor Aishah (2006) dan Mitchell et al. (2008) yang menekankan kepentingan membangun semangat usahawan dengan melatih mereka berdikari dalam fikiran dan tindakan dan berfikir diluar kotak sebagai persediaan mereka sebelum mengharungi cabaran dalam bidang perniagaan. Oleh yang demikian, kursus latihan seharusnya bukanlah program *one-off* di mana pelatih akan menjadi pakar dalam satu sesi, tetapi ia adalah program berterusan yang meliputi aktiviti bilik darjah dan latihan kerja.

2.2 Konsep Pembelajaran Transformatif dalam Program Latihan Kemahiran

Pembelajaran Transformatif (PT) merupakan pendekatan pembelajaran yang bertujuan untuk menghasilkan perubahan transformasional kepada individu. Ia merupakan suatu proses pembelajaran yang tidak hanya mempertimbangkan pengembangan pengetahuan dan sikap, tetapi bertujuan untuk mengubah pola berfikir dan pandangan hidup individu. Dengan pembelajaran transformatif, individu secara kritis akan menjalani introspeksi diri melalui refleksi pengalaman, dan menghasilkan solusi yang lebih baik pada pertimbangannya. Teori transformatif telah dipelopori oleh Jack Mezirow dalam karyanya *Transformative Dimensions of Transformative Learning* (1991), yang telah membangunkan teras falsafah transformatif sebagai pembelajaran yang tidak diperoleh daripada proses intelektual yang sistematik seperti sedia ada. Berdasarkan teras falsafah berikut, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran transformatif tidak terikat dengan mana-mana mekanisme pembelajaran, dan bersifat subjektif bergantung kepada intepetasi individu terhadap pembelajaran. Mezirow (1991) telah membangunkan teori ini dengan memberi makna PT sebagai suatu proses yang merubah kerangka rujukan (*frame of reference*) yang bermasalah iaitu minda (*minds*), tabiat fikiran (*habits of mind*) dan perspektif makna (*meaning perspective*) kearah menjadikannya lebih inklusif, reflektif, dan mampu berubah dari segi emosi.

Dalam konteks kajian ini, konsep pembelajaran transformatif yang memberi penekanan terhadap pengalaman terdahulu dan pembinaan jati diri yang baharu akan memberi kesedaran terhadap kerangka fikir golongan asnaf supaya dapat memperbaharui kehidupan diri untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Kerangka rujukan merupakan suatu bentuk andaian yang difahami oleh individu melalui pengalaman diri yang mungkin mempengaruhi persepsi, perasaan dan kognitif mereka. Menurut Mezirow (2003), kerangka rujukan merupakan perubahan yang dituntut kerana sebelum PT berlaku, kerangka rujukan ini tidak seragam, dipersoal, dan disemak untuk menjadikannya lebih terbuka, teliti, dan lebih baik. Tabiat fikiran sangat penting untuk menilai dalam mentafsir makna dan membentuk pemikiran, emosi dan tindakan. Sudut pandangan (*point of view*) pula ialah kepercayaan, ingatan, penilaian, sikap dan perasaan tertentu yang membentuk tafsiran individu terhadap makna dan ia merupakan interpretasi daripada tabiat fikiran.

Oleh yang demikian, PT berlaku dengan; (i) memperkemas lagi kerangka rujukan sedia ada; (ii) mempelajari kerangka rujukan yang baru; (iii) memperbaharui sudut pandangan; dan (iv) memperbaharui tabiat minda (Mezirow, 2003). Landry-Meyer et al. (2019) pula berpendapat PT ialah bagaimana orang dewasa belajar dengan mengintegrasikan pengetahuan baharu dan pengetahuan sedia ada. PT juga adalah satu proses yang mengakibatkan perubahan yang ketara dan tidak dapat dipulihkan dalam cara seseorang mengalami, mengkonseptualisasikan dan berinteraksi dengan dunia (Hoggan & Kloubert, 2020). Perkara asas dalam orientasi model pembelajaran dewasa ialah proses. Proses dalam PT ini mengambil masa yang lama. Secara dasarnya, terdapat tiga (3) elemen yang penting dalam proses PT iaitu keclaruan arah, refleksi kritikal dan dialog rasional.

2.2.1 Kecelaruhan Arah

Kecelaruhan arah merupakan proses permulaan dalam PT. Ia berdasarkan pengalaman lalu yang telah mencetuskan perasaan emosi dalam diri individu seperti marah, kecewa, sedih, takut, malu dan sebagainya. Pada peringkat kecelaruhan arah ini, emosi yang hadir adalah emosi yang negatif. Kecelaruhan arah terjadi apabila berlaku peristiwa pencetus ataupun krisis kehidupan yang telah membangkitkan kekaburan dan ketidakpastian dalam emosi individu (Nerstrom, 2017). Peristiwa pencetus merupakan sesuatu insiden, kejadian, ataupun pengalaman yang berlaku yang telah membangkitkan rasa kesedaran dan pengajaran kepada individu (Ka Mei et al., 2020). Kesedaran diri berlaku melalui beberapa peringkat iaitu kesedaran tingkah laku diri sendiri dan orang sekeliling, kesedaran bagaimana peristiwa itu boleh berlaku, dan kesedaran tentang apa yang memandu individu melalui proses tersebut (Mbokota et al., 2022). Peringkat kesedaran yang tertinggi ialah kesedaran nilai dalam kerangka rujukan individu. Individu akan mula mengolah idea untuk mencari makna dan membentuk pemikiran yang baharu seterusnya melakukan perubahan positif. Dalam erti kata lain, peristiwa pencetus merupakan pemangkin kepada pembelajaran transformatif itu bermula.

2.2.2 Refleksi Kritikal

Refleksi kritikal merujuk kepada proses di mana pelajar membangunkan keupayaan untuk menilai, menganalisis, dan mengambil tindakan terhadap konteks yang mempengaruhi dan membentuk kehidupan mereka (Holdo, 2022). Refleksi merupakan elemen yang penting dalam proses PT kerana melalui refleksi, individu akan berfikir secara aktif tentang pengalaman terdahulu dan seterusnya membina perspektif makna yang baharu (Freire, 1970; Mezirow, 1991; Roessger, 2014; Bañez, 2016; Ka Mei et al., 2020). Oleh itu banyak kajian bersetuju bahawa PT tidak boleh berlaku tanpa komponen refleksi, tetapi refleksi boleh berlaku tanpa perubahan yang disertakan dalam tabiat minda (Brookfield, 2000; Normala Abu Hassan, 2013; Ka Mei et al., 2020). Dalam erti kata lain, proses refleksi yang tiada tindak balas perubahan menjadikan individu itu hanya menyimpan perspektif makna yang baharu itu dalam tabiat minda sahaja dan PT tidak berlaku. Proses refleksi ini melibatkan penilaian kritikal dari aspek emosi dan kognitif (Mezirow, 2000; Mbokota et al., 2022). Semua PT bermula dengan cetusan emosi yang bercelaru, negatif dan tidak seimbang yang telah membangkitkan rasa individu untuk melakukan sesuatu tindakan. Tindakan yang pertama itulah yang dinamakan refleksi dimana individu merungkai perasaan emosi mereka dengan merenung kembali pengalaman terdahulu. Tanpa melakukan refleksi kritikal terhadap sesuatu pengalaman yang sukar, gembira, dukacita, pahit, memerlukan seolah-olah memberi gambaran seseorang itu mengelak diri daripada melakukan transformasi diri. Refleksi kritikal berlaku dalam diri manusia dan ia juga dikenali sebagai proses monolog (*self talk*) (Normala Abu Hassan, 2013). Ia bersifat terbatas kerana ia bergantung kepada sejauh dan sedalam mana sesuatu maklumat lepas itu dapat digali dan ditimbulkan semula. Refleksi berperanan sebagai mengumpulkan, mengkategorikan, dan memunculkan pengalaman lepas untuk dinilai dan kemudiannya diubahsuai berdasarkan pengalaman baharu individu (Holdo, 2022).

2.2.3 Dialog Rasional

Dialog rasional merupakan pemangkin kepada proses refleksi yang akan membangun kognitif individu. Sesi dialog ini kebiasaannya berjalan seiring dengan proses refleksi. Fungsi dialog adalah satu proses dimana individu berdialog secara aktif dengan individu lain untuk memahami makna pengalaman (Mezirow, 2000). Oleh itu, dialog merupakan komponen penting dalam teori pembelajaran transformatif. Cranton (2006) dan Mezirow (1991) menyatakan dialog adalah proses penting yang menjadi elemen penggerak berlakunya pembelajaran transformatif. Mohd Azhar (2008) berpendapat bahawa individu perlu terlibat dalam perbualan (*conversation*) dengan individu lain untuk menemui perspektif alternatif dan menentukan kesahan perspektifnya. Menurut Mezirow (2000) pembelajaran transformatif melibatkan penyertaan dalam wacana yang membina dengan menggunakan pengalaman orang lain untuk menilai sebab-sebab yang wujudnya andaian dan membuat tindakan terhadap keputusan yang terhasil. Wacana digunakan untuk menilai kepercayaan atau persefahaman dengan menimbang hujah. Ia adalah cara untuk menilai dan memahami bagaimana individu mentafsirkan pengalaman dan individu hanya perlu bersedia untuk mendapatkan penjelasan, kefahaman dan mencapai persetujuan yang munasabah (Mezirow, 2000). Secara kesimpulannya, kepercayaan, nilai, sikap dan prejudis yang terbentuk dalam habit minda yang terbina hasil daripada pengalaman dan proses sosialisasi boleh berubah menerusi refleksi kritikal dan dialog dan ianya berlaku apabila tercetusnya apabila terjadinya peristiwa pencetus atau krisis kehidupan dalam diri individu (Mezirow, 1978, 1991, 2000 dan 2009).

2.3 Peranan Fasilitator Latihan

Dalam pembelajaran transformatif, terdapat dua jenis domain pembelajaran iaitu pembelajaran instrumental (*instrumental learning*), dan pembelajaran komunikasi (*communicative learning*). Pembelajaran instrumental merupakan pembelajaran untuk mengawal persekitaran manakala pembelajaran komunikasi ialah pembelajaran untuk memahami diri dan orang sekeliling termasuklah memahami niat, nilai, kepercayaan dan perasaan dalam

berkomunikasi. Mezirow menjelaskan kedua-dua domain pembelajaran ini diperlukan dalam PT, walaubagaimanapun kemampuan individu dalam menguasai mana-mana domain pembelajaran itu akan menjadikan proses PT berkesan.

Peranan tenaga pengajar latihan sangat penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang berkonsepkan transformatif. Tenaga pengajar atau lebih dikenali sebagai fasilitator latihan ini menjadi salah satu punca dan pemegang taruh dalam kejayaan mentransformasikan asnaf. Peranan fasilitator latihan sebagai pemudah cara untuk menyokong tindakan pelatih dengan memberi maklum balas berkesan amat penting untuk memastikan proses pembelajaran itu berlaku. Oleh itu, peranan tenaga pengajar amat kritikal yang memerlukan mereka merancang strategi pengajaran untuk memastikan pembelajaran berkesan (Landry-Meyer et al., 2019). Apa yang paling penting ialah tenaga pengajar ini harus mengamalkan gaya pengajaran humanistik dengan mempercayai bahawa pelajar mempunyai keupayaan untuk membangunkan diri dengan sokongan persekitaran yang baik (Košmerl & Mikulec, 2022), (Yusuf et al., 2021).

Sonesh et.al (2015) dan Landry-Meyer et al. (2019) menekankan proses bimbingan boleh menguatkan lagi hubungan antara pelajar dengan fasilitator dan membina kepercayaan individu yang seterusnya akan meningkatkan potensi untuk mencapai matlamat pembelajaran. Antara peranan utama yang boleh diamalkan oleh fasilitator untuk mengukuhkan hubungan dengan pelatih ialah pertama, menunjukkan rasa hormat dan memberi pengiktirafan kepada orang dewasa. Fasilitator perlu menghargai pengalaman orang dewasa sebagai satu kelebihan pelatih yang akan menjadi sumber utama pembelajaran mereka. Kedua, fasilitator harus menggalakkan kerjasama bersama pelatih sebagai kerja berpasukan. Kolaborasi antara fasilitator dan pelatih ini akan menggalakkan penglibatan mereka dalam setiap proses pembelajaran secara aktif. Ketiga ialah merancang strategi pembelajaran aktif. Antara teknik pembelajaran aktif yang mudah untuk diaplikasikan ialah memberi masa untuk pelatih merespon ataupun membuat penilaian sendiri melalui penulisan. Antara lain, teknik pembelajaran aktif kompleks yang boleh diaplikasikan ialah dengan cara think-pair-share dan penilaian berkumpulan. Pembelajaran melalui pengalaman, pembelajaran inkuiri dan perbincangan jigsaw antara teknik yang lebih kompleks dalam pembelajaran aktif. Nerstrom (2017) juga menyenaraikan ciri-ciri pembelajaran aktif yang perlu diwujudkan oleh fasilitator termasuklah menggalakkan pelatih refleksi secara kritikal, mengadakan perbincangan dan perdebatan yang harmoni, mewujudkan peluang pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*), dan menyokong dan membimbing pertumbuhan pelajar.


Peranan fasilitator dalam konteks kajian ini dilihat sebagai satu kumpulan sokongan bagi membantu golongan asnaf untuk berjaya. Organisasi yang ditugaskan membimbing pelatih asnaf ini sudah semestinya mempunyai perancangan dalam membina modul latihan yang berkesan untuk asnaf. Pembelajaran transformatif yang bersifat tidak formal ini sering dilupakan kerana terlalu menumpukan pencapaian peningkatan kemahiran tanpa mengambil kira pembinaan jati diri juga merupakan proses yang penting dalam memberi kesedaran terhadap pelatih asnaf untuk berubah. Oleh itu, peranan fasilitator latihan menjadi kunci dalam membuka satu sisi ruang pembelajaran untuk pelatih asnaf berjaya memajukan diri melalui konsep transformatif. Sebagai seorang fasilitator yang membimbing golongan bawahan, sudah pasti ia bukan suatu tugas yang mudah untuk mengaplikasikan konsep pembelajaran transformatif yang bersifat humanism. Pendekatan pengajaran yang digunakan mestilah sesuai dengan konteks golongan bawahan. Cox et.al (2014) dalam kajiannya telah mengenalpasti pendekatan yang sesuai digunakan dalam sesi pembelajaran iaitu (i) kesedaran diri melalui refleksi pengalaman, (ii) kesedaran mengenai apa halangan kognitif dan emosi untuk mencapai matlamat, dan (iii) kesedaran tentang pandangan seseorang (nilai, makna dan kepercayaan) untuk melakukan perubahan. Kaedah pengajaran adalah pelbagai dan bergantung pada kreativiti fasilitator untuk menggalakkan perbincangan bagi mewujudkan pembelajaran aktif semasa proses latihan. Berdasarkan justifikasi berikut, pelaksanaan latihan dalam PPA haruslah bersifat berterusan dimana proses bimbingan bukan sekadar semasa latihan formal sahaja, malah berterusan sepanjang asnaf menyertai aktiviti keusahawanan.

Kebanyakan fasilitator mereka menguasai kemahiran secara profesional, tetapi tidak sebagai tenaga pengajar yang mengaplikasi domain pembelajaran. Tenaga pengajar mestilah mempunyai kemahiran sebagai fasilitator dalam merancang respon terhadap keperluan pelajar. Menurut Norzaini (2016) dan Ali & Yaacob (2021) antara kemahiran yang diperlukan termasuklah kemahiran komunikasi dan kemahiran interpersonal. Kemahiran komunikasi amat penting untuk membantu pelajar menghuraikan persoalan dan kekeliruan dalam pembelajaran. Keperluan kemahiran interpersonal pula adalah untuk menggalakkan pelajar meneroka peranan mereka sebagai pelajar dewasa supaya mereka menjadi seorang yang bertanggungjawab terhadap pelajaran. Fasilitator perlu membantu setiap pelajar mendiagnosis jurang antara aspirasi dengan tahap kebolehan pelajar. Fasilitator juga perlu mengenalpasti masalah-masalah yang dialami pelatih serta berusaha menutup jurang setiap permasalahan mereka.

3. Kerangka Konsep Kajian

Di dalam kajian ini, penyelidik mengenegahkan teori transformatif (Mezirow; 1978, 1991, 2000) dalam pelaksanaan latihan kemahiran yang dijalankan kepada pelatih asnaf yang berpotensi dalam pelan PPA. Teori

transformatif didasari oleh model pembelajaran dewasa atau lebih dikenali sebagai model andragogi yang dibangunkan Knowles (1989) dalam konsep pembelajaran menggunakan pendekatan humanism.



Rajah 1 Kerangka konsep kajian

4. Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang mendasari kajian ini adalah berbentuk kualitatif berasaskan kajian kes di mana kajian lapangan merupakan sumber data primer kajian. Penyelidik akan meneroka secara terperinci pelaksanaan latihan kemahiran dalam PPA dari aspek elemen transformasi yang diaplikasikan sepanjang proses latihan. Kajian ini dijalankan di Pusat Latihan Asnaf daerah Johor Baharu, Johor dibawah kelolaan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Penyelidik memilih negeri Johor sebagai lokasi kajian kerana Johor merupakan antara negeri yang menganjurkan latihan kemahiran vokasional dalam program pembangunan asnaf secara bersasar dalam projek Pelan Pembangunan Asnaf 2022-2023 (PPA22-23).

PPA22-23 mensasarkan setiap daerah di negeri Johor menjalankan satu projek pembangunan usahawan dengan melatih kemahiran pelatih asnaf sehingga mereka menjadi usahawan yang berjaya. Kursus latihan dalam setiap projek ini dijalankan selama 6 bulan dan dipantau pelaksanaannya oleh Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB) sebagai agensi yang dilantik oleh MAINJ untuk mengendalikan latihan kemahiran asnaf. Geran pembangunan diperuntukkan untuk pelatih asnaf yang terpilih dalam projek ini disamping tanah waqaf MAINJ menjadi lokasi projek ini dijalankan dan mereka diberikan akses penuh untuk membangunkan dan menjalankan aktiviti perniagaan sehingga menjadi usahawan berjaya.

Kaedah pemilihan peserta dalam kajian ini dibuat dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling). Dalam PPA22-23 yang dijalankan di daerah Johor Bahru, Johor ini, terdapat sejumlah sepuluh orang pelatih asnaf yang terlibat dalam latihan pembuatan kek kukus & kuih tart nenas sepi. Projek ini diketuai oleh seorang fasilitator latihan yang bertanggungjawab melatih asnaf dari sudut kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah termasuklah pengurusan perniagaan. Pemilihan peserta untuk kajian ini adalah dari kalangan pelatih asnaf daripada latar belakang fakir atau miskin, dan mempunyai kehadiran latihan yang memuaskan. Untuk tujuan kajian ini, penyelidik akan menemubual tiga orang pelatih asnaf yang terpilih bersama-sama dengan fasilitator latihan sebagai peserta kajian.

Pada peringkat awal, penyelidik menjalankan sesi temu bual tidak berstruktur dengan jurulatih fasilitator untuk mengumpul data awal dan menilai pelaksanaan latihan kemahiran vokasional di bawah seliaan beliau. Di samping mewujudkan hubungan dan memupuk kepercayaan, adalah penting untuk membiasakan diri dengan keadaan persekitaran sekeliling sebelum memulakan proses pengumpulan data. Kemudian, penyelidik menjalankan tiga sesi temu bual, iaitu semasa proses latihan, setelah tamat program latihan 6 bulan, dan selepas pelatih asnaf menamatkan satu kitaran perniagaan. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan pandangan yang berharga tentang pengalaman pembelajaran transformatif di peringkat fasilitator dan pelatih asnaf.

Semasa sesi temu bual awal bersama pelatih asnaf, temu bual secara bersemuka secara berkumpulan telah dijalankan. Pendekatan ini bertujuan untuk mewujudkan kepercayaan dan mendapatkan gambaran tentang personaliti peserta kajian. Sesi temuduga ini mengambil masa sekitar 75 minit. Dalam kitaran kedua dan ketiga, temu bual dilakukan secara individu menggunakan platform secara atas talian, dengan setiap temu bual berlangsung kira-kira 45 minit. Hasilnya, terdapat sebanyak sepuluh transkrip hasil temu bual bersama fasilitator dan pelatih asnaf akan dianalisis. Setiap transkrip mengandungi kira-kira 15-25 muka surat secara purata.

Dalam proses menganalisis data, penyelidik pada awalnya mengatur dan mengesahkan data untuk ketepatan dengan menyemak dan membaca transkrip temu bual. Kemudian, penyelidik menjalankan analisis kandungan induktif transkrip dan menjana kod pusingan pertama secara manual. Menurut (Pratt et al., 2020), analisis induktif digunakan untuk mengurangkan kemungkinan bias pengesanan sendiri dengan mewujudkan

pengesahan antara pengarang. Penyelidik seterusnya mengkategorikan kod sehingga menjana empat tema, iaitu 1) proses pembelajaran transformatif dalam latihan; 2) struktur latihan dalam PPA yang komprehensif; 3) konsep PPA yang menggalakkan pembelajaran secara berterusan; dan 4) pembelajaran berasaskan pengalaman. Akhir sekali, penyelidik akan analisis dokumen laporan latihan untuk mengesahkan dan menyokong kesimpulan yang diperoleh daripada sumber data temu bual.

5. Dapatan Kajian

Dapatan kajian hasil daripada temubual terhadap empat orang peserta kajian akan dianalisis menggunakan kaedah tematik. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, penyelidik dapat menyimpulkan empat penjana tema yang akan menjawab persoalan kajian, iaitu:

- Proses pembelajaran transformatif dalam latihan
- Struktur latihan dalam PPA yang komprehensif
- Konsep PPA yang menggalakkan pembelajaran secara berterusan
- Pembelajaran berasaskan pengalaman

5.1 Proses Pembelajaran Transformatif dalam Latihan Kemahiran

Penyelidik mendapati bahawa program latihan yang dijalankan di daerah Johor Bahru, Johor ini mengaplikasikan pembelajaran transformatif sepanjang proses latihan. Elemen transformatif seperti keclaruan arah, refleksi kritikal, dan dialog rasional dikenalpasti setelah penyelidik menganalisis hasil temubual.

Kecelaruan arah merupakan faktor yang menjadi pemangkin kepada pembelajaran transformatif. Pengalaman terdahulu yang memberi cetusan emosi kepada diri individu akan menjadi langkah pertama untuk seseorang keluar daripada ketidakselesaian emosi yang dialami. Dorongan ini terjadi apabila individu merenung kembali, menyemak semula dan berfikir dengan mendalam pengalaman hidup lalu yang seterusnya akan membangkitkan rasa untuk berubah dan keluar daripada keclaruan tersebut (Mezirow, 1991). Dalam temubual yang dijalankan, peserta kajian menggambarkan perasaan mereka untuk keluar daripada kehidupan yang miskin dan melarat apabila mereka nekad menyertai program latihan PPA ini.

"Faktor utama nak sangat pergi program ini sebab saya ingin memajukan diri saya sendiri. Saya nak keluar daripada takut kemiskinan. Maksudnya saya menganggap apabila mendapat tawaran seperti ini, satu peluang untuk saya keluar" -P1

"Saya seorang balu dan mempunyai dua orang anak yang masih sekolah. Satu dekat u, satu dekat sekolah menengah. Jadi saya fikir saya kena join program ini, sediakan profile, isi borang semua" -P2

Peserta kajian ini telah berjaya menyedari kerangka rujukan yang bermasalah, iaitu andaian terhadap tiada tindakan untuk mengubah nasib keluarga, sehingga mereka mencari perspektif alternatif dengan mencari solusi. Mereka telah mula mempersoalkan tabiat minda (*habits of mind*) yang selama ini menjadi kerangka rujukan mereka dan mula meneroka sudut pandangan yang baharu dengan mempercayai bahawa penglibatan mereka dalam program latihan dalam PPA ini akan membantu meningkatkan taraf kehidupan mereka. Penghasilan makna yang baharu ini akan menjadi petunjuk arah bagi mereka untuk bertindak dimasa hadapan yang menjadikan mereka nekad untuk menyertai program latihan dalam PPA ini. Tambahan pula, sepanjang proses latihan, fasilitator mengamalkan gaya pengajaran transformatif apabila beliau menekankan proses membangun jati diri dalam latihan yang dikendalikan.

"Jadi bila wanita ni dia ni selalu berperang dengan perasaan kan. Kadang masalah kat rumah, masalah kat sana. Kadang dia orang ni tak boleh fokus sebab satu sebab emosi dia tak stabil. Bila tak stabil dia tak boleh nak datang kelas kita ni on time. Maksudnya apa yang saya nampak adalah disiplin, disiplin dari segi masa"-P4

"Sebab saya nak test dia orang semua ni saya buat punch card. Saya nak tengok dulu, dia orang ni boleh tak bekerja dengan masa. Sebab kita nak disiplinkan diri ini kita kena bekerja dengan masa. Jadi first saya kata okey datang pukul 9 balik pukul 5. Datang kena isi punch kad, kalau datang lambat kena isi lambat. Kalau tak datang, saya kata kena tunjuk sebab kenapa. Kalau alasan demam, alasan nak pergi majlis kahwin ke, nak pergi benda- benda yang saya rasa, saya selalu cakap dengan dia orang okey. Dapat peluang dekat sini bukannya mudah. Tapi kalau nak berubah, bukan saya" -P4

Fasilitator menyedari keperluan untuk meraikan kepelbagaian emosi pelatih sebagai seorang yang sedang berjuang untuk keluar daripada belenggu kemiskinan yang sudah pasti pelbagai cabaran yang perlu dihadapi.

Pada masa yang sama, fasilitator juga menekankan kepentingan untuk memperkukuh disiplin pelatih kerana menyedari bahawa ia salah satu kaedah pembentukan jati diri sebelum pelatih keluar meneruskan legasi perniagaan yang lebih penuh liku dan cabaran. Dengan menjadikan ia sebagai satu proses latihan, pendekatan pengajaran yang dilakukan oleh fasilitator lebih kepada diskusi yang membawa pelatih asnaf memeriksa kembali kehadiran mereka dalam program latihan PPA ini.

"Saya lebih banyak beri heart- to- heart dengan dia orang. Round table, duduk. Kadang saya juga selalu cakap dengan dia orang. Selalulah bagi motivate kat dia orang ni dari segi dalaman tu ya juga"- P4

Menurut Mezirow (2000), seseorang lebih memaknai pengalaman yang dilalui apabila mereka berdialog secara aktif dengan individu lain yang akan membawa mereka refleksi diri secara kritikal. Proses refleksi merupakan proses penilaian semula orientasi permasalahan, memahami dan seterusnya bertindak kearah penyelesaian. Peserta kajian melalui proses refleksi apabila mereka berfikir secara kritis (*critical thinking*) akan keperluan untuk mencari solusi terhadap permasalahan atau cabaran yang sedang dilalui. Ia merupakan tindakan kearah cara penyelesaian setelah mereka menilai, merenung dan menyemak dalam proses refleksi. Cara berfikir dan tindakan individu adalah perkara yang perlu diberi perhatian untuk memastikan transformasi perspektif berlaku. Transformasi perspektif ialah apabila individu berjaya melakukan perubahan yang kekal dalam tingkahlaku mereka. Fasilitator dalam program latihan ini jelas mengaplikasikan dialog rasional dan menggalakkan pelatih berfikir dalam proses refleksi. Hal ini turut diakui oleh peserta kajian daripada pelatih asnaf bahawa mereka melalui kedua- dua proses tersebut.

"Macam saya, kita akan berbincang dengan mentor melalui rutin yang ditetapkan. Time tu kita dibenarkan bersuara untuk mengemukakan sebarang masalah lah. Jadi masa tu nanti kita akan berbincang untuk mengatasinya la"-P1

Orang dewasa belajar melalui refleksi secara kritikal sehingga mereka sedar akan makna sesuatu realiti. Refleksi kritikal merupakan antara ciri yang unik dalam pembelajaran transformatif yang berlaku seiring dengan dialog rasional. Kedua- dua ciri ini iaitu refleksi kritikal dan dialog rasional adalah satu perjalanan yang perlu dilalui dalam mencapai transformasi. Walaupun hasil program latihan PPA ini belum terbukti keberkesanannya dalam meningkatkan taraf ekonomi mereka, namun peserta kajian telah menunjukkan perubahan pada sikap dan jati diri mereka.

"Kalau macam kat sini kita dah rasa disiplin, puan dah biasakan kita. Jadi kalau kat rumah pun dah terbiasa dengan disiplin yang terbawa- bawa dari sini la. Jadi buat sementara ni akak ada buat jual- jualan tu. Jadi rasa seronok la. Kita berniaga kat rumah pun dah terikut disiplin kt sini" -P3

5.2 Struktur Latihan PPA yang Komprehensif

Dalam PPA22-23 ini, antara objektif yang disasarkan oleh MAINJ termasuklah melahirkan usahawan dari kalangan asnaf yang berproduktiviti dan mempunyai pengetahuan. Oleh itu, strategi perlaksanaan kursus latihan amat dititikberatkan bagi memastikan kemenjadian usahawan asnaf membuahkan hasil. Tambahan pula kesemua pelatih asnaf ini adalah dari kalangan mereka yang berbeza latar belakang dan tidak mempunyai asas perniagaan, sudah pasti menjadi satu cabaran kepada fasilitator dan agensi pelaksana untuk merencana strategi berkesan dalam mengendalikan projek ini. Penyelidik mendapati bahawa, struktur latihan PPA yang dijalankan di Johor Bahru ini bersifat komprehensif kerana ia meliputi segala aspek kemahiran termasuklah kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.

"Mereka ni semuanya zero. Ada juga yang ada asas meniaga, tapi maksud saya zero dari segi mungkin ilmu meniaga, macam mana SOP dalam meniaga, diorang tak ada kat situ" -P4

"Kat sini juga training kita ajar bukan setakat buat kuih sahaja. Kita ajar buat marketing, kita ajar sekali buat networking, kita ajar sekali untuk turun padang dekati pelanggan buka booth kena rajin kita ajar diorang untuk bercakap public speaking kita ajar juga buat lai. Sebab mereka selepas ini mereka akan balik, mereka akan buat sendiri dan mereka akan jual kuih itu kepada pelanggan. Jadi kat sini tempat training" -P4

Perkara ini turut diakui oleh pelatih asnaf bahawa mereka menerima latihan dalam program ini secara menyeluruh. Pengalaman mereka sepanjang mengikuti program latihan ini kadang kala bukanlah bersifat formal,

tetapi pengetahuan terbina secara tidak langsung apabila pelatih asnaf ini melalui sendiri pengalaman mengendalikan perniagaan.

"Maksudnya selain ilmu kemahiran tu Puan ajar juga ilmu perniagaan contoh bagaimana nak buka resit, nak buat invois. Itu pengalaman- pengalaman lah untuk cara mengendalikan syarikatlah jika inshaAllah satu hari nanti Allah takdirkan kita ada perniagaan sendiri" -P1

"Jadi akak tubuhkan syarikat supaya diorang nampak perjalanan tu, kena ada akaun syarikat, produk kena ada halatuju, maksudnya produk tu nak kemana lepas kita buat. Kita ada labelling dia, ada packaging dia" -P4

Usaha fasilitator latihan dalam melatih pelatih asnaf ini tidak sekadar dengan pendedahan ilmu kemahiran sahaja. Malah fasilitator bersama- sama berganding bahu bersama pelatih asnaf dalam menghasilkan produk berkualiti dengan mendapatkan pengiktirafan kesihatan pemakanan dan juga persijilan halal. Proses ini sudah pasti memerlukan komitmen dan sinergi pelatih dan fasilitator bagi memastikan keterjaminan kualiti produk sebelum dipasarkan.

"Sebab sekarang ni yang semangatnya bila tau produk ni dah masuk makmal, produk ni dah dapat nutrition, produk ni dah kearah halal. Diorang seronok sebab produk ni dah ada hala tuju. Saya cakap dengan diorang ini semua di atas kesungguhan semua. Kita buat macamni. Bayangkan kalau produk ini dah ada halal, dah cukup lengkap untuk dipasarkan" -P4

Penyelidik dapat menyimpulkan bahawa, fasilitator latihan telah mengamalkan gaya pengajaran humanistik dengan mempercayai bahawa pelatih asnaf mempunyai kemampuan untuk meneroka potensi diri dengan memberi peluang kepada mereka bersama- sama dalam proses mengendalikan perniagaan. Selain itu, pembelajaran melalui pengalaman juga adalah salah satu ciri pembelajaran transformatif yang bukan sahaja membangun aspek kognitif, malah mencungkil nilai diri pelatih asnaf.

5.3 Konsep PPA yang Menggalakkan Pembelajaran Secara Berterusan

Kebiasaan kursus latihan yang dianjurkan dalam PPA adalah bersifat *one-off*, tiada bimbingan yang berterusan terhadap pelatih asnaf menyebabkan proses pemindahan kemahiran (*transferring skills*) tidak membuahkan hasil. Kesannya, mereka tidak dapat bertahan dengan arus cabaran dunia perniagaan yang menyebabkan mereka berundur. Teori pembelajaran transformatif menggalakkan proses pembelajaran secara berterusan dimana fasilitator membimbing pelatih asnaf dalam jangka masa yang panjang dan berterusan sehingga terbentuk satu sistem nilai yang kuat dalam diri individu.

"Jadi first step akak daftarkan mereka dalam satu syarikat. 10 orang tu ada dalam satu syarikat. Jadi akak buat diorang ni betul- betul dalam syarikat, kita tunjukkan diorang bagaimana syarikat tu. Kita pun bukakan akaun syarikat supaya diorang nampaklah. Sebab apa kita tunjukkan akaun syarikat sebab kita nak ajar diorang buat akaun, buat bil, buat invois. Dia kena ada sistem. Jadi sistem kat sini pun kita ajar juga buat invois, bil. Jadi diorang pun faham selama ini diorang tak didedahkan dengan semua ini. Macam tadi akak cakap orang jual sukahati la masuk kocek takde resit." -P4

Inisiatif fasilitator latihan menubuhkan syarikat dan melibatkan kesemua pelatih asnaf mengendalikan perniagaan akan mengikat mereka bersama- sama memajukan perniagaan sehingga kesemua mereka menjadi usahawan berjaya. Walaupun latihan ini dijadualkan selama 6 bulan sahaja, tetapi tempoh selepas tamat sesi latihan adalah yang paling kritikal dimana sudah tiba masa pelatih asnaf menggerakkan kaki dan tangan mereka sendiri merancang strategi perniagaan berdasarkan pengalaman yang mereka perolehi sepanjang latihan. Sungguhpun begitu, proses untuk melatih asnaf tidak terhenti setakat itu, malah fasilitator latihan akan terus memantau perjalanan perniagaan yang dibangunkan dan terus bertindak sebagai pemudah cara bagi kesemua pelatih asnaf.

"yang itu fasa melepaskan ikan kat laut. Tapi walaupun kita melepaskan, tapi kita guide diorang. Masih monitor sebab kita masih lagi nakkan diorang ni betul- betul dah boleh terbang lah" -P4

Proses pemantauan ini amat penting bagi memastikan pelatih asnaf berada pada landasan yang betul dan tidak mudah putus asa dengan cabaran mendatang dalam perniagaan. Pembelajaran secara berterusan menggunakan konsep transformatif akan menjadi satu sistem sokongan (*support system*) yang kuat terhadap pelatih asnaf dalam meneruskan perniagaan yang diceburi. Pada pandangan penyelidik, fasilitator latihan ini telah

membina hubungan yang baik dengan pelatih asnaf untuk membina kepercayaan mereka memaknai latihan yang disampaikan. Perkara ini selari dengan konsep pembelajaran dewasa yang memberikan kebebasan kepada pelajar meneroka pengalaman sendiri untuk membina pengetahuan.

5.4 Pembelajaran Berasaskan Pengalaman

Antara lain, fasilitator latihan telah mewujudkan peluang pembelajaran berasaskan pengalaman sepanjang proses latihan. Pembelajaran berasaskan pengalaman juga merupakan salah satu ciri pembelajaran transformatif. Walaupun fasilitator tidak mempunyai pengalaman yang luas dalam mengendalikan latihan, tetapi beliau meneroka sendiri strategi berkesan dengan mempercayai bahawa pembelajaran berasaskan pengalaman lebih mudah untuk membina pengetahuan pelatih asnaf. Dengan menyedari bahawa pelatih asnaf dari kalangan orang dewasa, beliau memilih cara pembelajaran melalui kaedah simulasi.

"Kat sini banyak buat simulasi je. Sebab kat sini pelatih dari kalangan orang yang berusia, jadi latihan semua akak buat dalam cara simulasi" -P4

"Macam kek kat atas, first step tu kita ajar diorang buat dalam kumpulan. Kat sini ada task. Task dia setiap minggu. Ada task buat jualan bersama, ada task buat jualan secara live. Jadi diorang terdedah la kat situ. Harap- harap dengan cara itu diorang boleh catch up la" -P4

Kaedah pembelajaran menggunakan pendekatan simulasi ini memberikan pengalaman terus kepada pelatih asnaf dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Melalui temubual yang dijalankan terhadap peserta kajian dari kalangan pelatih asnaf, mereka menggambarkan perasaan keterujaan dalam mencuba kemahiran baru melalui tugas yang diberikan oleh fasilitator dalam latihan setiap minggu.

"Pernahlah satu kali mentor sediakan juri, kita diberi task untuk sorang- sorang kat depan untuk bercakap. Bagai nak luruh rasa jantung masa tu kan. Tapi berjaya juga la habiskan task tu. Dari situ menjadi pengalaman untuk saya yang aku boleh buat sebenarnya" -P1

"Antara task lain, yang kita kena buat produk tu berdua. Mentor nak tengok kalau kita buat berdua tu berapa yang kita dapat hasilkan" -P3

"Task kena pergi promosi kat luar. Kena buat public speaking, tercabar juga rasa. Kita tak biasa nak bercakap kan. Kalau kat luar tu kita buat promosi jualan- jualan la. Berjumpa dengan orang. Jadi bagi keyakinan pada diri kita la kan" -P2

Fasilitator terbukti mengaplikasikan pelbagai teknik dalam kaedah pengajaran bagi memberikan gambaran sebenar kepada pelatih asnaf untuk mendapatkan pengetahuan baharu. Menurut Kolb (1999), penglibatan pelatih berada pada tahap tinggi apabila individu dapat bertindak memproses pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam mengadaptasi situasi pembelajaran. Dalam proses latihan yang dilalui pelatih asnaf, mereka mengakui kebolehan diri menyelesaikan tugas dan mengiktiraf pengalaman yang dilalui sebagai satu bentuk pembinaan kemahiran.

6. Kesimpulan dan Cadangan

Program Pembangunan Asnaf (PPA) dilihat sebagai satu usaha murni daripada pihak institusi zakat melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai peluang kepada golongan asnaf yang produktif untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Konsep transformatif ini menjelaskan pengalaman asnaf dalam proses membina jati diri yang teguh ke arah transformasi perspektif terhadap kebebasan kehidupan yang miskin dan melarat. Proses transformatif yang melibatkan ubahsuai pengalaman hidup, kepercayaan, sistem nilai dan sistem sosial akan memberi penghasilan makna yang baharu yang boleh mengubah kehidupan asnaf menjadi seorang individu yang mandiri ekonomi (Mohd Azhar, 2012). Peranan latihan sebagai mekanisme pembelajaran asnaf sangat penting untuk diberi perhatian. Oleh kerana konsep pembelajaran transformatif dalam pembelajaran dewasa ini berpusatkan pelajar (*student-centered learning*), peranan tenaga pengajar latihan sangat penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran dewasa yang efektif.

Dapatan kajian mendapati bahawa pembelajaran transformatif merupakan satu proses yang panjang. Peranan fasilitator atau tenaga pengajar amat penting kerana ia merupakan antara faktor yang menyumbang terhadap kemenjadian proses transformatif dalam kalangan pelatih. Kajian lanjutan tentang peranan fasilitator serta teknik pedagogi khusus yang berkesan dalam pembelajaran transformatif boleh diketengahkan untuk meneroka keberkesanan PPA dengan lebih mendalam pada masa akan datang.

Penghargaan

Kajian ini adalah pembiayaan dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah skim *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS/1/2022/SS10/UTHM/02/6).

Konflik Kepentingan

Pengarang mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan kertas kajian ini.

Sumbangan Penulis

Setiap pengarang mengambil tanggungjawab dalam kandungan karya yang diserahkan untuk semakan seperti berikut:

*Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas kerja seperti berikut: **konsep dan reka bentuk kajian:** Mimi Mohaffyza Mohamad; **pengumpulan data:** Fatimah Abdul Salam; **analisis data:** Fatimah Abdul Salam, Mimi Mohaffyza Mohamad; **penyediaan draf manuskrip:** Fatimah Abdul Salam. Semua pengarang menyemak keputusan dan meluluskan versi akhir manuskrip.*

Rujukan

- Bahri, E. S., Ali, J., & Aslam, M. M. M. Why do Asnaf Entrepreneurs Become Successful? The Role of Intention, Opportunity, and Resources.
- Hashim, N., Othman, A., Mohamad, A., & Hussin, M. N. M. (2020). Tahap Prestasi Dan Faktor Mempengaruhi Perniagaan Usahawan Asnaf Dalam Program Bantuan Jayadiri: Satu Analisis Deskriptif. *International Journal of Islamic Business*, 5(1), 46-58.
- Hassan, N. A., & Hamid, M. A. A. Peranan Refleksi Kritikal dan Dialog Dalam Pembelajaran Transformatif Dalam Kalangan Bekas Penagih Dadah.
- Holdo, M. (2023). Critical reflection: John Dewey's relational view of transformative learning. *Journal of Transformative Education*, 21(1), 9-25.
- Ismail, M., Sheriff, S., & Hussin, H. (2021). Pemerkasaan program pembangunan ekonomi usahawan asnaf melalui dana zakat. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 3(2), 52-65.
- Kolb, D. A., Boyatzis, R. E., & Mainemelis, C. (1999). *Experiential learning theory: Previous research and new directions*.
- Landry-Meyer, L., Bae, S. Y., Zibbel, J., Peet, S., & Wooldridge, D. G. (2019). Transformative learning: from theory to practice. *International Journal of Adult Vocational Education and Technology (IJAVET)*, 10(4), 1-15.
- Mat Rani, M. A., Ahmad Rosli, M. S. D., Moidin, S., Mohd Arif, M. I. A., Adenan, F., & Khairuldin, N. F. (2020). Pembangunan keusahawanan asnaf luar bandar di Negeri Pahang (Development of rural asnaf entrepreneurs in Pahang). *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 2(1), 48-60.
- Mbokota, D. G., Myres, P. K., & Stout-Rostron, D. S. (2022). Exploring the process of transformative learning in executive coaching. *Advances in Developing Human Resources*, 24(2), 117-141.
- Meerangani, K. A., & Azman, U. K. Z. (2019). Transformasi Usahawan Asnaf Menerusi Program Pembangunan Ekonomi, Lembaga Zakat Selangor. *Jurnal Ilmi*, 9(1), 15-29.
- Mei, W. K., Abd Hamid, M. A., & Othman, M. F. (2020). Peranan Peristiwa Pencetus Dalam Kajian-Kajian Pembelajaran Transformatif. *Jurnal Kemanusiaan*, 18(2).
- Mezirow, J. (2000). *Learning as Transformation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mezirow, J. (2003). *Transformative Learning Theory*. Dalam Jack Mezirow et al. (eds.) (2009). *Transformative Learning in Practice: Insights from Community, Workplace and Higher Education*. New York: John Wiley & Son.
- Mohd Azhar Abd Hamid dan Azmi Shah Suratman (2008). *Dinamika Pembelajaran Dewasa Dalam Perspektif Islam*, Skudai. Penerbit UTM
- Nerstrom, N. (2017). Transformative learning: Moving beyond theory and practice. *International Journal of Adult Vocational Education and Technology (IJAVET)*, 8(1), 36-46.
- Pratt, M. G., Kaplan, S., & Whittington, R. (2020). Editorial essay: The tumult over transparency: Decoupling transparency from replication in establishing trustworthy qualitative research. *Administrative science quarterly*, 65(1), 1-19.
- Suhaimi, M. F. B. H., Don, A. G., & Puteh, A. (2021). Program Latihan Dalam Membangunkan Asnaf Di Selangor. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 199-216.
- Syukri, M. S., Farahein, N., & Samat, N. (2019). Penggunaan Analisis Faktor Bagi Menentukan Faktor Pendorong Kemiskinan Isi Rumah Di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *e-BANGI*, 16, 1-18.
- Talib, A. R., & Ahmad, H. (2019). Keberkesanan latihan TVET dan bantuan modal peralatan kepada golongan asnaf fakir dan miskin dalam peningkatan pendapatan di negeri Pahang. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(1), 10-17.